



TIMBALAN Setiausaha (Pengambilan) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Zainal Abidin Ahmad (dua dari kanan) melihat Mohd Halim Shamsuddin, 23, (duduk tengah) dan Mohd Nur Hafiz Mohd Hanafi, 25, (kanan) mendaftar perkerjaan secara online di Karnival Kerjaya Perkhidmatan Awam di Kompleks Bimbingan Usahawan Tani, Pagoh, baru-baru ini.

HM 31/1/2013 ms 24

# Perlu realistik ketika cari kerja

**C**abaran graduan di Malaysia masa kini tentulah kesukaran mendapatkan pekerjaan setimpal dengan ijazah yang dimiliki. Keadaan sekarang jauh berbeza dengan senario 20 hingga 30 tahun dulu kerana pada waktu itu pekerjaan di sektor awam atau swasta sedia menanti mana-mana graduan yang berjaya menamatkan pengajian.

Kesan daripada kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan boleh diperhatikan menerusi kadar pengangguran di negara ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Manusia, kadar pengangguran di negara ini pada 2012 sekitar 3.1 peratus. Kadar pengangguran ini secara relatif masih rendah berbanding peratusan dicatatkan di beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat.

Tidak dinafikan bahawa kebanyakan graduan bertung-

tulah tidak.

Ketua Sekretariat Skim Latihan 1Malaysia, Norashikin Ismail baru-baru ini mendedahkan wujudnya kecenderungan graduan berlumba-lumba memohon pekerjaan dengan syarikat besar. Sebenarnya graduan perlu realistik dalam mencari pekerjaan. Jika mereka berkeras hendak memandang pekerjaan di syarikat yang gah maka pendirian sedemikian perlu dinilai kembali.

## Asah kemahiran

Sepatutnya seseorang graduan memiliki keghairahan mencari kerja dengan nawaitu untuk mengasah kemahiran dan pengalamannya tanpa mempersoalkan status syarikat.

Apabila sudah berada dalam alam kerjaya segala teori dan pelajaran yang ditimba di universiti hanya menyumbang 10 peratus

Sumber Manusia sentiasa mengatur program bagi mengatasi masalah graduan yang kurang kemahiran hingga menyukarkan mereka mendapat pekerjaan. Selain mendapat kemahiran seseorang graduan yang mengikuti program berkenaan akan menerima elaun sepanjang mengikuti latihan.

Sungguhpun elaun mungkin nilainya tidaklah besar, namun perkara lebih penting ialah graduan terbabit berpeluang membina tapak dalam kerjaya yang diceburinya.

Tempoh program latihan kemahiran yang biasanya antara enam bulan hingga setahun adalah satu landasan keemasan bagi graduan mendapat pendedahan mengenai pelbagai kemahiran dalam kerjaya.

Selain menguasai ilmu teknikal graduan perlu meneroka kemahiran bukan teknikal seperti teknik komunikasi berkesan. Hal